

JABATAN PENDAFTAR • DEPARTMENT OF REGISTRAR

Rujukan : UKM.PDF.500-3/1/1
Tarikh : 14 Januari 2026

Semua Pendaftar
Universiti Awam
(Senarai Edaran Seperti Di Lampiran)

YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

IKLAN BAGI JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR
(HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA), UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa staf akademik yang berminat dan berkecenderungan adalah dipelawa untuk mengisi permohonan jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa), Universiti Kebangsaan Malaysia. Bersama-sama ini, dilampirkan hebahan iklan bagi jawatan di atas. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

Pendaftar
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
SELANGOR DARUL EHSAN

3. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan boleh menghubungi **Encik Muhamad Walid Osman, Timbalan Pendaftar, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, Universiti Kebangsaan Malaysia** melalui talian **03-8911 8221** atau e-mel: **tpbsm@ukm.edu.my**. Tarikh tutup permohonan adalah pada **30 Januari 2026 (Jumaat), sebelum/pada jam 5:00 petang**.

Sukacita YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan dapat membuat hebahan iklan jawatan ini kepada staf akademik di Universiti masing-masing.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pendaftar

Sekian, terima kasih.

'ILMU, MUTU DAN BUDI'

Yang benar,



HAJI ZANUDIN MOHD DAUD

Pendaftar

- s.k. - **YBhg. Datuk Johan Idris**
 Pengerusi
 Lembaga Pengarah
 Universiti Kebangsaan Malaysia
- **YBhg. Prof. Dato' Dr. Sufian Jusoh**
 Naib Canselor
 Universiti Kebangsaan Malaysia
- UKM(S).PDF.100-6/4/11

-2-



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pendaftar